

Manfaat Yang Dikongsi Bersama

Perkongsian Lebihan Berciri Unik



Kelayakan

Para peserta akan dipertimbangkan untuk Perkongsian Lebihan (jika ada) pada setiap tahun, dengan syarat sijil mereka masih berkuat kuasa pada 31 Disember tahun kewangan yang berkenaan. Bahagian Perkongsian Lebihan para peserta akan bergantung kepada jumlah Tabarru` yang telah mereka sumbangkan dan akan ditolak berdasarkan jumlah tuntutan yang mereka buat pada tahun tersebut.

Cara Pembayaran

Bagi sijil-sijil yang berkuat kuasa, Perkongsian Lebihan telah dibayar kepada akaun pelaburan peserta. Amaun lebihan yang dibayar akan dipaparkan di dalam Penyata Tahunan 2024 kepada para pelanggan tahun hadapan.

Agihan Lebihan 2023

Dengan adanya lebihan dana Tabarru` (baki selepas menolak semua tuntutan yang perlu dibayar dan rizab untuk 2023), PruBSN telah mengagihkan lebihan tersebut kepada kira-kira 1.7 juta peserta (berdasarkan nisbah yang dinyatakan dalam kontrak).

Peserta takaful yang layak akan dimaklumkan bermula pada 17 Julai 2024 melalui SMS.